

**SEMAKAN HARGA GAS ASLI  
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Susulan keputusan Kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan semakan harga gas asli yang dikawal selia bagi sektor bukan elektrik di bawah pelan rasionalisasi subsidi negara, subsidi harga gas asli yang dikawal selia dikurangkan secara beransur-ansur sebanyak RM1.50/mmBtu setiap enam bulan sehingga mencapai harga pasaran.
2. Berikutan pengurangan subsidi harga gas asli yang dikawal selia tersebut, tarif asas gas asli Gas Malaysia Bhd (GMB) ditetapkan pada kadar RM28.05/mmBtu bagi tempoh Julai hingga Disember 2017 di bawah kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation - IBR*) yang turut merangkumi pelaksanaan mekanisme *Gas Cost Pass-Through (GCPT)*.
3. Melalui pelaksanaan mekanisme GCPT, Kerajaan memutuskan supaya rebat sebanyak RM1.59/mmBtu daripada tarif asas diberikan kepada kesemua kategori pelanggan GMB berikutan penurunan kos *liquefied natural gas (LNG)* di dalam tempoh semakan.
4. Sehubungan itu, jadual kategori tarif gas asli GMB bagi tempoh Julai hingga Disember 2017 ditetapkan seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Asas Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Asas Bagi Tempoh 1 Julai - 31 Disember 2017 (RM/mmBtu)	Tarif Selepas Pemberian Rebate Bagi Tempoh 1 Julai - 31 Disember 2017 (RM/mmBtu)
A	Pengguna domestik	19.26	20.23	18.64
B	0 - 600	24.86	26.11	24.52
C	601 - 5,000	24.99	26.25	24.66
D	5,001 - 50,000	25.24	26.51	24.92
E	50,001 - 200,000	26.33	27.66	26.07
F	200,001 - 750,000	26.33	27.66	26.07
L	Melebihi 750,000	27.21	28.58	26.99
Purata		26.71	28.05	26.46